

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 25

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah Kementerian merancang untuk membuka semula permohonan lesen perikanan nelayan memandangkan terdapat ramai nelayan baharu yang dahulunya nelayan tetapi bekerja disebabkan peluang pekerjaan yang luas dan kini menjadi nelayan semula disebabkan kejatuhan ekonomi seperti yang berlaku di Labuan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pembekuan sementara ke atas semua permohonan baru lesen vesel zon A, B dan C telah dilaksanakan sejak tahun 1982 bertujuan untuk mengurangkan tekanan ke atas sumber perikanan negara. Merujuk kepada Kajian Taksiran Sumber Perikanan 2016 oleh Jabatan Perikanan Malaysia, tahap eksploitasi berlebihan terus berlaku di mana sumber perikanan telah berkurang kepada 15 peratus, iaitu 23,236 metrik tan daripada 150,710 metrik tan pada tahun 1970-an.

2. Berdasarkan kepada perangkaan tahun 2018, bilangan vesel penangkapan ikan yang berdaftar di seluruh Malaysia adalah berjumlah 52,556 vesel. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 275 vesel telah didaftarkan di Labuan terdiri daripada 273 vesel pesisir pantai (zon A dan zon B) dan 2 vesel laut dalam (zon C2).

3. Kementerian sedang mengkaji kemungkinan untuk membuka semula permohonan lesen vesel zon A kepada mereka yang ingin menjadi nelayan. Penstrukturan semula ke atas dasar, syarat dan kriteria pemberian kuota lesen akan dicadangkan mengikut keupayaan daya tampungan pesisir pantai berdasarkan kepada sumber perikanan sedia ada.

4. Selain itu, keutamaan juga akan diberikan kepada golongan belia bagi meningkatkan penglibatan mereka dalam bidang perikanan tangkapan serta penggunaan teknologi moden yang mesra sumber bagi memastikan kelestarian sumber perikanan negara.

Sekian, terima kasih.